

Pelajar perlu perkuatkan sahsiah diri

BH 16 DEC 2000

SERDANG, Jumaat. Kecemerlangan pendidikan dan nilai moral yang tinggi di kalangan graduan serta profesional negara perlu seiring, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mutu pendidikan pelajar saja tidak mencukupi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju sekiranya rakyat mempunyai nilai moral yang rendah.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pelajar institusi pengajian tinggi bahawa tiada gunanya mereka memperolehi pendidikan bermutu jika ilmu yang diperolehi disalahguna dan mendatangkan keburukan kepada masyarakat serta negara.

Selepas 43 tahun pesat membangun dan menjadi negara termaju di kalangan negara membangun, Malaysia sudah sampai pada satu peringkat bersedia untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

"Sama ada kita dapat 'take off' atau tidak bergantung kepada kualiti bukan saja kualiti ilmu tetapi juga peribadi," katanya pada majlis penyampaian sijil MS ISO 9001 Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, hari ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Samsuddin dan Naib Canselor UPM, Prof

Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

Dr Mahathir berkata, di atas bahu pelajar letaknya tanggungjawab untuk meneruskan kemajuan serta mewarisi negara dan oleh itu mereka perlu meningkatkan kebolehan diri seiring kemajuan negara.

"Negara memerlukan rakyat terpelajar dalam segala bidang kerana tanpa penguasaan dalam pelbagai bidang, mustahil negara dapat dibangunkan," katanya sambil menambah penguasaan bidang teknikal seperti kejuruteraan dan IT, sangat penting.

Beliau turut melahirkan rasa kluatir jika pelajar dan ibu bapa memilih bidang yang salah atau mempunyai

berkaitan dengan pembangunan, negara tidak akan mempunyai ramai pelajar berkebolehan tinggi.

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh mencapai taraf negara maju jika rakyatnya sanggup bekerja keras dan sedia meningkatkan kualiti dalam segala aspek.

Beliau berharap pencapaian sijil MS ISO 9001 oleh fakulti itu menjadi pemangkin kepada fakulti dan universiti lain di negara ini untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di dunia.

Dr Mahathir berkata, kejayaan Fakulti Veterinar itu mungkin yang pertama di rantau ini dan berharap

UPM akan menjadi universiti pertama memperolehi persijilan MS ISO 9001.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai beberapa universiti awam dan swasta yang berkemampuan tinggi dan menjadi hasrat kerajaan supaya pelajar luar menuntut di negara ini.

"Kini ramai pelajar asing belajar di sini bukan saja kerana kosnya yang rendah tetapi kerana kualiti dan sistem pendidikan yang disediakan," katanya.

Beliau berkata ada cadangan ketika mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah (Asem) di Seoul, Korea Selatan Oktober lalu supaya negara Eropah menghantar pelajar mereka ke rantau ini.